

WUF9

## FORUM BANDAR SEDUNIA KESEMBILAN

KUALA LUMPUR, MALAYSIA • 7 HINGGA 13 FEBRUARI 2018

8	7	6	5	4	3	2	1
							
<b>2018</b> Kuala Lumpur, Malaysia Bandar 2030, Bandar untuk semua Lebih <b>35,000</b>	<b>2014</b> Madellin, Colombia Ekuiti Bandar Dalam Pembangunan - Bandar Untuk Kehidupan Lebih <b>22,000</b>	<b>2012</b> Naples, Itali Bandar Masa Depan Lebih <b>8,200</b>	<b>2010</b> Rio de Janeiro, Brazil Hak Kepada Bandar: Penghubung Perkongsian Bandar Hampir <b>13,800</b>	<b>2008</b> Nanjing, China Perbandaran yang Harmoni: Cabaran Mengimbangi Pembangunan Wilayah Lebih <b>10,400</b>	<b>2006</b> Vancouver, Kanada Bandar Berkeadilan Masa Depan Kita - Menukar Idea Kepada Tindakan Lebih <b>10,400</b>	<b>2004</b> Barcelona, Sepanyol Bandar: Persimpangan Budaya, Inklusif Dan Integrasi? Lebih <b>4,300</b>	<b>2002</b> Nairobi, Kenya Urbanisasi Lestari Hampir <b>1,200</b>



Delegasi China, Menteri Perumahan dan Bandar-Pembangunan Luar Bandar, Ni Hong mengucapkan tahniah kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar di atas penganjuran WUF9 yang teratut.



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bercakap mengenai usaha Malaysia dalam menguruskan transformasi bandar secara besar-besaran.



Pengarah Eksekutif UN-Habitat, Datuk Maimunah Mohd Sharif yang merupakan pengarah eksekutif pertama dari Malaysia menyampaikan ucapan pembukaannya.

## WUF9 capai kejayaan besar

Persidangan Forum Bandar Sedunia (WUF9) yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 7 hingga 13 Februari, baru-baru ini, antara Forum persidangan yang paling aktif dan pelbagai. Program anjuran Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN HABITAT) bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu adalah persidangan terbesar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pembangunan bandar.

Forum bertema 'Bandar 2030, Bandar Untuk Semua: Melaksanakan Agenda Bandar Baharu' itu disertai 100 Menteri dan Timbalan Menteri serta lebih 30,000 delegasi termasuk Malaysia yang telah menyertai sesi forum dan pameran.

Forum dwitahunan ini juga adalah platform untuk membincang dan membentangkan komitmen, strategi inovasi, serta mengenal pasti peranan institusi dan meneruskan perkongsian dalam pelaksanaan Pembangunan Mampan dan Pelan Tindakan Agenda Bandar Baharu (NUA).

### Deklarasi Kuala Lumpur

Forum tahun ini menyaksikan penyertaan tertinggi dan paling pelbagai dalam sejarah forum. Ini juga adalah forum pertama yang berjaya menghasilkan perisytiharan, Deklarasi Kuala Lumpur yang berkongsi aspirasi peserta untuk masa depan Bandaraya 2030 sebagai bandaraya bagi semua yang tiada tempat dan tiada tempat tinggal.

Dalam ucapan pembukaan forum itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, Malaysia seperti negara lain di dunia menghadapi cabaran dan berjaya menguruskan transformasi bandar secara besar-besaran dengan kadar urbanisasi yang diunjurkan sebanyak 85 peratus pada tahun 2050.

### Kejayaan Malaysia

"Kejayaan Malaysia dalam mengurus pertumbuhan bandar utamanya yang membangun pesat, disokong oleh asas ekonomi kukuh dan kejayaan program transformasi dilaksanakan kerajaan. Apa yang dikecapi Malaysia hari ini, mencerminkan trend pembangunan sama seperti berlaku pada negara Asia dan Afrika berdasarkan laporan Agenda Per-

bandaran Baharu di Quito pada 2016," katanya.

Beliau berkata, pengalaman di Malaysia mencerminkan trend pertumbuhan bandar negara ini di bawah paras 30 peratus pada 1970-an, kini berada pada kadar 75 peratus dan dijangka meningkat kepada 85 peratus pada 2050.

"Seperti kebanyakan negara lain, kami menghadapi pelbagai cabaran dan berjaya menguruskan transformasi bandar yang berkembang rancak.

"Kami dibantu dengan asas ekonomi yang kukuh, Program Transformasi Ekonomi yang kerajaan saya laksanakan pada 2010 dan mewujudkan 2.26 juta peluang pekerjaan, yang mana satu juta daripadanya adalah pekerjaan berpendapatan tinggi," katanya.



Kepesatan pembangunan, keindahan negara dan rakyat Malaysia yang ramah amat dikagumi"

**Corina Cretu,**  
Pesuruhjaya Kesatuan Eropah (EU) bagi Polisi Setempat



Tahniah Malaysia berjaya membabitkan penyertaan banyak negara ke WUF9 di Kuala Lumpur"

**Erik Solheim,**  
Setiausaha dan Pengarah Eksekutif, delegasi Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu



Ingin kongsi pengalaman Malaysia anjur WUF9 agar WUF10 di Abu Dhabi pada tahun 2020 lebih baik"

**Falah Al Ahababi,**  
Menteri dan Ketua Pengarah Majlis Perancang Bandar, Emiriah Arab Bersatu

# FORUM BANDAR SEDUNIA KESEMBILAN

KUALA LUMPUR, MALAYSIA • 7 HINGGA 13 FEBRUARI 2018



## PENYERTAAN TERTINGGI DAN PELBAGAI

**35,000** Peserta forum dan pelawat pameran

**165** Negara mengambil bahagian

**100** Menteri dan Timbalan Menteri

**60%**

Rakyat Malaysia  
**14,000**

**500** Peserta PBB  
+  
**30** Agensi PBB

## FORUM PALING PRODUKTIF

Bandar 2030, Bandar untuk semua: Pelaksanaan Agenda Baharu Bandar

**833** Acara

**145** Acara sampingan  
**143** Acara rangkaian kerja  
**138** Program multi @ Medan Pasar

**256** + **1500**  
Penceramah jemputan Sesi terbuka penceramah

- 93 Pameran
- 50 Sesi latihan
- 33 Satu bilik PBB
- 32 Wartawan urban
- 29 Dengar kepada bandar
- 23 Acara selari
- 23 AFINUA
- 21 Sesi khas
- 17 Sidang media
- 17 Lawatan teknikal
- 15 Meja bulat pemegang amanah
- 11 PBB - Habitat dalam tindakan
- 10 Penerima/mesyuarat
- 8 Dialog
- 7 Meja bulat peringkat tinggi
- 6 Mesyuarat kaukus
- 5 Perhimpunan
- 3 Ceramah urban
- 1 Sinema Urban
- 1 Larian urban
- 1 Seni utara

## PEMBABITAN MALAYSIA DALAM WUF9

**42** Penceramah jemputan Malaysia  
**29** Pempamer  
**17** Lawatan teknikal + **20** tuan rumah  
**15** Acara sampingan + **65** penceramah  
**10** Acara rangkaian kerja + **43** penceramah  
**2** Acara Latihan + **6** penceramah

**KESAN TERHADAP MALAYSIA DAN KUALA LUMPUR**  
Malaysia: Dalam peta dunia sebagai destinasi MICE (Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran) antarabangsa

**RM122 JUTA**

**RM67J** Anggaran perbelanjaan pelancong WUF9

Berdasarkan purata **RM3,500** per kapita bagi **15,000** peserta yang menginap di hotel ketika WUF9 dan **RM1750** per kapita bagi warga tempatan tidak menginap di hotel

**RM25J** Jumlah kos langsung pada perniagaan tempatan di Kuala Lumpur

**RM30J** Jumlah kos tidak langsung pada pekerjaan dan lain-lain perniagaan



Putera Charles menerusi mesej video, menegaskan perlunya pendekatan holistik dalam proses perbandaran

## Kerabat diraja sokong agenda baharu perbandaran

Prince of Wales, Putera Charles dalam mesej ucapan video menegaskan, mengenai pentingnya pendekatan holistik terhadap perbandaran, dengan mengambil kira semua saiz petempatan dan langkah memupuk integrasi sebenar serta berkesan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Baginda bertitah, perkara itu bertujuan memastikan ekosistem, biodiversiti dan pengeluaran makanan penting dapat dipelihara hingga ke masa akan datang.

**Cabaran kompleks**  
Baginda juga menyentuh mengenai kesukaran memahami mengenai populasi bandar di seluruh dunia yang dijangka meningkat

sekali ganda dalam tempoh 40 tahun akan datang.

Titah baginda, kepesatan perbandaran yang mencemaskan ini, mewujudkan cabaran kompleks dan mendesak terhadap manusia dan planet Bumi.

"Bagaimanapun, sekiranya kesejahteraan bandar ingin ditingkatkan, kita mempunyai peluang yang tidak pernah wujud sebelum ini iaitu memberi definisi semula terhadap pembangunan bandar. Andai kata ia dirancang dan diurus secara peka, bandar raya boleh menambah nilai sosial, alam sekitar dan komersial dengan cara yang dapat membantu mengatasi perubahan iklim serta memupuk kemakmuran yang bersifat inklusif," titah baginda.



## Kuala Lumpur...

Lagu tema pertama WUF9, *Cities for All*, dicipta oleh Presiden Lim Kok Wing University of Technology, Tan Sri Dr Limkokwing dan dinyanyikan oleh kumpulan koir Lim Kok Wing International.



Delegasi luar negara dibawa melawat perumahan awam Malaysia.



Kagum pencapaian ekonomi Malaysia yang baik walaupun dihimpit masalah harga minyak dunia turun"

**Darji Choden,** Menteri Kerja Raya dan Sumber Manusia, Bhutan



**Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Tan Sri Noh Omar** ketika KL Urban Run yang dianjurkan sempena WUF9.



**Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail** (tengah) bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd Amin Nordin Abdul Aziz (kanan) dan Menteri Perdagangan Luar dan Kerjasama Pembangunan Belanda, Sigrid Kaag ketika acara Berbasikal Kuala Lumpur.